●●●●○ CELCOM 3G 5:59 PM

utusan.com.my



Open Day 28 | 29 | 30 March 9am–6pm SEGi

DALAM NEGERI

## MH370: Penjawat awam diingat jangan sebar maklumat tidak tepat

KLUANG 18 Mac - Penjawat awam di negara ini diingatkan tidak menyebarkan sebarang maklumat yang tidak tepat berkaitan kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 bagi mengelakkan kekeliruan masyarakat.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal berkata, arahan sudah dikeluarkan pihaknya terhadap kira-kira 1.4 penjawat awam supaya mereka tidak terlibat dalam sebarang penyebaran atau spekulasi berhubung penerbangan MH370.

"Banyak pihak terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein juga sudah berkali-kali mengingatkan hal ini. Jadi, saya mahu penjawat awam menjadi benteng pertahanan negara dengan tidak menjadi api dalam sekam atau gunting dalam lipatan," katanya.

Mohamad Zabidi berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program Wacana Transformasi Kepimpinan Muda di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Wilayah Selatan di sini hari ini. - BERNAMA



RUANG IKLAN UNTUK DISEWA
www.utusan.com.my/Jom_Iklan

TABUNG BENCANA BANJIR
564098206365

Notis catuan bekalan air bagi Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

#DOAUNTUKMH370 / #PRAYFORMH370

BANCIAN ONLINE